

TAJUK : PENGUMPULAN TRADISI LISAN
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

MAKMAL/ARKIB SEJARAH LISAN
JABATAN SEJARAH
FAKULTI SAINS KEMASYARAKATAN DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI

JAWATAN KUASA PENYELIDIKAN BUDAYA
MUZIUM NEGERI
NEGERI SEMBILAN

STRUKTUR PENTADBIRAN TRADISIONAL DI REMBAU

Pengkisah : Haji Muhammad Sariff bin Fakin Hassan
Tarikh wawancara : 16 March, 1984
Tempat : Kampung Mulia, Rembau,
Negeri Sembilan.

Rembau ini mengikut tradisinya sebagai satu luak. Sekarang ini daerah Rembau, jadi dikatakan luak Rembau. Rembau ini mengikut cerita-cerita lisannya, asalnya Rembau ini dari perkataan 'Merbau'. Oleh sebab disebut 'Merbau', Merbau, 'Merbau', akhirnya menjadi Rembau. Oleh itu kononnya peneroka yang mula-mula sampai bukan peneroka tetapi orang asli yang mula-mula menduduki di sini dahulu. Semasa dia meneroka terdapat satu pokok Merbau yang tua dan tinggi. Kemudiannya ditebang pokok Merbau itu dan dikatakan pemotongnya kalau diletakkan 12 jambar [hidangan] untuk orang memakan nasi ianya boleh muat di situ ... Ini semuanya cerita-cerita dongeng. Jadi daripada itulah asalnya nama Rembau iaitu sempena nama pokok Merbau tua yang ditebang waktu mula-mula meneroka Rembau ini dahulu. Itulah lebih kurang asalnya. Iaitu nama yang diberi oleh orang Asli.

Kaum orang Asli ini mempunyai seorang ketua bergelar 'Batin', penghijrah dari alam Minangkabau telah datang membuka negeri di Rembau. Ada di kalangan mereka yang berkahwin dengan perempuan orang Asli, keturunan inilah yang membentuk suku Biduanda. Manakala suku-suku yang lain itu adalah golongan yang berasal dari tempat-tempat tertentu di alam Minangkabau. Sehingga hari ini terdapat dua belah suku semuanya dalam luak

Rembau. Mereka ini juga membuka tempat mengikut puak-puak suku masing-masing. Maka itu didapati suku tertentu adalah merupakan penduduk utama dalam kawasan tertentu. Begitu dengan pemilikan tanah pusaka. Misalnya mengapa tanah-tanah di Kampung Bongek kebanyakannya milik suku Batu Hampar adalah kerana kampung berkenaan telah dibuka oleh orang-orang suku Batu Hampar.

Orang-orang dari Minangkabau ini bilangan mereka agak ramai dengan itu adat mereka telah diamalkan di kawasan baharu. Bagi pihak orang Asli pula, yang berkahwin dengan orang-orang dari alam Minangkabau dan yang telah memeluk agama Islam telah menjadi sebahagian dari masyarakat negeri yang baharu. Manakala orang Asli yang memilih untuk kekal sebagai hidup berpindah-pindah telah berpindah ke bahagian pendalaman. Apabila anggota masyarakat telah besar maka tersusunlah cara hidup bernegeri mempunyai ketua-ketua sehingga di peringkat negeri.

Pada dasarnya sistem pentadbiran di Rembau adalah seperti 'Alam beraja', 'luak berpenghulu'. Hendak diterangkan batas-batasnya agak sulit, tapi pengertian dan pentakrifannya ialah seperti 'Alam beraja', negeri itu ada mempunyai raja iaitu seperti Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan. 'Luak berpenghulu', luak ini ertinya sepertimana yang saya sebutkan tadi merupakan satu daerah iaitu daerah berpenghulu. Sekarang ini tidak disebut penghulu lagi tetapi disebut Undang. Jadi Undang ini berkuasa dalam segala hal ehwal luaknya. 'Suku berlembaga' pula, dalam satu luak itu ada mempunyai beberapa buah suku, yang disebutkan idealnya ialah 12 suku. Jadi dalam tiap-tiap satu suku itu ada seorang ketua yang dipanggilkan

'lembaga'. Jadi dialah yang memerintah satu suku. Kemudian dalam satu suku tadi terdiri pula daripada beberapa buah 'perut'. Perut itu ertinya keturunan keluarga-keluarga dua, empat atau lima buah keluarga, membentuk satu suku. Jadi dalam perut ini tadi dilantik pula seorang ketua yang digelar 'Buapak'. Buapak ini tadi membawa pula kepada lembaga. Jadi masyarakat dalam satu perut itu diketuai oleh buapak dan masyarakatnya dipanggil anak buah. Kemudian 'orang semenda, tempat semenda'. Dalam satu masyarakat perut ini ada dinamakan orang semenda, tempat semenda. Tempat semenda itu ialah orang yang berasal dari dalam perut itu sendiri. Dalam suku itu lelaki yang berasal dalam perut itu, suku itu dinamakan tempat semenda dan orang lelaki yang datang berkahwin dan menetap di dalam suku itu dipanggilkan orang semenda.

Tua itu berlembaga maksudnya. Jadi kita katakan bertua itu ertinya berketua, diketuai oleh Dato' lembaga. Itulah lebih kurang sistem pemerintahannya. Dalam politik tradisional yang paling tinggi kedudukannya ialah raja, 'Alam beraja'. Tetapi sekarang ini raja itu, hanya merupakan sebagai Yang Dipertuan, yang dibesarkan sahaja. Jadi dalam daerah-daerah ataupun luak-luak tadi, yang tertinggi sekali ialah Undang. Maksudnya dalam Rembau ini, orang yang paling berkuasa sekali ialah undang, sebab Undang mempunyai pedang pamancong. ertinya dia berkuasa untuk memutuskan sesuatu benda itu dengan kekuasaannya.

Dia ini mengikut keturunan dan giliran. Jadi di Rembau ini seseorang yang hendak menjadi Undang, dia mesti terdiri dari ahli suku Biduanda. Kemudian dalam suku Biduanda itu terdapat dua 'carak'. Kita panggilkan

Carak Lela Maharaja dan Carak Sedia Raja. Kalau Undang yang ada ini daripada Carak Sedia Raja, Undang yang akan datang kelak adalah dari Carak Lela Maharaja. Jadi bila mangkat ataupun mati seseorang Undang, maka giliran Carak yang satu lagi itu dengan segala anak buahnya layak menjadi Undang. Tapi dalam keadaan itu harus mengikut giliran, sama ada dia sudah ataupun belum. Jadi Undang yang akan datang terdiri daripada anak buah yang baharu dipilih di masa lalu.

Seperti yang dikatakan keturunan orang Asli yang telah memeluk Islam dan keturunan dari perkahwinan antara orang-orang Minang dengan orang Asli telah mengujudkan suku Biduanda. Perkahwinan antara Orang Minang dengan keluarga Batin pula telah mengujudkan suku Biduanda Waris. Oleh itu suku Biduanda Waris ini adalah keturunan dari perkahwinan orang Minang dengan keluarga Batin atau keturunan dari keluarga Batin yang telah memeluk Ugama Islam. Waris ini bererti orang yang berhak menuntut pusaka Undang. Maka itu ujudlah dua waris Biduanda yang berhak menuntut pusaka Undang cara bergilir-gilir. Carak Lela Maharaja adalah keturunan dari keluarga Batin manakala Carak Sedia Raja adalah keturunan dari perkahwinan antara orang Minang dengan perempuan-perempuan keluarga Batin. Maka itulah dua keturunan ini saja yang berhak kerana jawatan Undang, itu dahulu adalah jawatan 'penghulu' atau Batin asalnya.

Berasaskan kepada keterangan itu nyatalah kepada kita mengapa orang lain atau suku lain ataupun suku Biduanda biasa tidak berhak menuntut pusaka Undang. Sebab mereka bukan keturunan dari Batin yang memerintah alam Rembau dahulu. Keturunan dikira dari nisab itu dan dibuat cara bergilir-

gilir itu adalah berasaskan peraturan dalam adat Perpatih yang diamalkan oleh masyarakat Rembau. Bila tiba giliran Carak Lela Maharaja dari Biduanda Jakun menjadi Undang. Dato Gempa Maharaja akan mencalonkan anak buahnya. Bila giliran Carak Sedia Raja pula yang mencalonkan ialah Dato Merbangsa.

Sebelum ini nama calon-calon dicadangkan oleh lima waris gedang [Besar]. Nama-nama ini diserahkan kepada sama ada Dato' Gempa Maharaja atau Dato' Merbangsa tertakluk pada giliran. Waris gedang ini ialah ketua suku Biduanda Dato' Perba dan empat orang Besar suku itu iaitu Dato' Menteri Lela Perkasa, Dato' Mangku Bumi, Dato Syahbandar dan Dato' Raja di Raja. Mereka ini adalah ahli-ahli Jemaah Orang Besar Undang.

Lantik menjadi sah apabila telah dipersetujui oleh Lembaga Tiang Balai. Mereka ini terdiri dari lapan Lembaga suku iaitu Dato' Gempa, Dato' Merbangsa, Dato' Bangsa Balang, Dato' Samsura Pahlawan, Dato Sri Maharaja, Dato' Sanda Maharaja, Dato' Andika dan Dato' Mendika.

Di Rembau ini dibawah Undang ialah lembaga. Jadi lembaga yang mengetuai suku-suku tadi yang menjadi pembantu-pembantu Undang. Lembaga ini mempunyai Majlis mengadap iaitu persidangan dalam Majlis Penghadapan. Undang ini mendapat, kalau perlu nasihat daripada dua ataupun empat Orang Besarnya. Jadi Undang ini mempunyai orang besarnya dan orang besar ini sebagai penasihat sahaja kepada Undang. Lembaga ataupun Orang Besar ini pula terdiri daripada kategori seperti ada lembaga 'Tiang Balai', empat di darat dan empat di Baroh. Kemudian ada dua belas lagi lembaga yang

memerintah suku-suku.

Kemudian di kampung-kampung pula orang yang menjadi ketua disebut Buapak. Dalam tiap-tiap buah perut tadi ada buapaknya, buapak boleh jadi satu, dua ataupun boleh jadi empat. Buapak adalah singkatan dari perkatan ibu atau bapa dan ketua bagi perut. Hubungan antara buapak dan anak buahnya terlalu rapat, seolah-olah berperanan sebagai ibu dan bapa kepada anak buahnya. Seorang buapak biasanya dilantik bila ada kebulatan suara dari anggota perutnya dan perlantikannya mesti mendapat pengesahan daripada lembaga. Jadi macam itulah caranya. Dia memuncak seperti kun bentuknya.

Lembaga ini selain daripada dasar perwarisan dan giliran, pemilihan lembaga juga melihat ataupun berdasarkan kepada perut. Jadi dalam suku itu ada empat perut. Jadi kalau perut yang satu ini sudah dipilih, akan datang nanti perut yang lain pula dan proses ini berbalik-balik. Dalam perut ini mempunyai beberapa anak buah, jadi daripada anak buahnya dalam perut itulah yang dipilih. Itulah prinsipnya, mesti daripada anak buah dalam sebuah perut yang telah mengikut gilirannya. Kemudian di antara perutnya tadi tentulah ramai, sekurang-kurang sepuluh, lima belas ataupun dua puluh orang. Jadi macam mana cara hendak menentukan salah seorang dari dalam perutnya.

Perkiraan yang ditekankan di sini adalah orang yang sudah cukup umur dan sudah boleh diangkatkan untuk memerintah. Kemudian itu kedudukan dari sudut ekonominya sebab Dato'-dato' lembaga ini selalu mengadakan kenduri-kendara. Jadi kalau ekonominya tidak baik macam mana hendak mengadakan

kenduri, kenduri sebelum puasa, dan juga kenduri dalam bulan puasa. Kerana selalu mengadakan kenduri-kendara, maka perlulah mencari seseorang yang baik ekonominya iaitu selain dari boleh memerintah. Ini zaman dahulu, sekarang ini kita hendak mengadakan satu kenduri bukannya senang. Dato' lembaga ini juga banyak melakukan kerja sukarela sahaja cuma dituakan sahaja tempat orang merujuk. Jadi masa dahulu, jadi bila diadakan kenduri-kendara, anak buah datanglah membawa misalannya beras seorang sedikit, ayam beberapa ekor dan lain-lain bahan keperluan. Tapi sekarang ini keadaan semacam itu tidak wujud lagi. Itu secara tradisi sahaja dan tidak berapa jelas lagi.

Yang kedua tidak ada membuat apa-apa rekod yang tidak berapa baik ataupun buruk samada dirinya atau anggota keluarganya. Kemudiannya dia cukup sihat dan tidak mempunyai kelemahan batang tubuh. Dia juga sebaik-baiknya ada mempunyai pengetahuan adat serba sedikit seperti tahu hal-hal beradat, peraturan-peraturan dan cara-cara tradisi serta semua adat istiadat seperti 'teromba-teromba' iaitu boleh bercakap dan boleh bercerita mengenai adat istiadat perpatih. Kemudian dia juga dikehendaki mempunyai pengetahuan agama sebab sebagai pemimpin pengetahuan ini semua menjadi adat yang perlu diketahui oleh beliau terutamanya di kampung-kampung. Tetapi sekarang ini keadaan seperti itu tidak berapa ditekankan sangat, tapi kalau ada itu adalah lebih baik. Lembaga ini juga ada memegang beberapa jawatan seperti jawatan kebajikan di kampung-kampung umpamanya khairat kematian atau dengan kata lain melibatkan diri dengan segala keadaan di kampung dan dapat pula menyesuaikan diri dengan keadaan kampungnya itu. Jadi itulah lebih kurang serba sedikit yang dipandang waktu

hendak memilih seseorang Dato' lembaga. Tapi yang prinsipnya ialah keturunan dan perwarisan.

Buapak boleh dikatakan, buapak beranak buah iaitu segala hal ehwal anak buahnya adalah di bawah bidang kuasanya. Ini dahulu, sekarang ini segala pemerintahan telah diambil oleh kerajaan bermula dengan kerajaan British pada tahun 1896. Jadi dahulu segala hal-ehwal anak buah di dalam makluman buapak iaitu kalau ada pergaduhan, perselisihan, pertengkaran antara anak buah sesama anak buan, nikah kahwin semuanya dalam makluman buapak. Sekarang ini cuma yang tinggal barangkali nikah kahwin dan pergaduhan yang kecil-kecil. Yang besar-besar seperti jenayah-jenayah semua sudah diserahkan kepada polis. Dahulu semua buapak yang menjalankan tugas-tugas seperti menjamin keamanan, keselesaan hidup di dalam perutnya itu. Segala apa yang hendak dibuat mesti melalui buapak, umpamanya hendak mengadakan kenduri, mesti melalui ataupun dengan persetujuan buapak. Buapaklah yang menentukan tarikhnya dan juga tempat anak buah bertumpu. Itulah sebab buapak beranak buah iaitu ertinya segala hal anak buah mesti bertanya pada buapak.

Kemudian di atas buapak kalau sekiranya sesuatu hal tidak dapat diputuskan, buapak akan merujuk kepada lembaga sebab lembaga yang boleh memberi segala keputusan yang tidak dapat diselesaikan seperti pergaduhan yang besar-besar. Selain daripada itu juga lembaga memutuskan perkara-perkara seperti hal-ehwal tanah, membahagikan tanah, membahagikan kampung dan menentukan sempadan. Dalam hal pembahagian tanah pesaka setelah seseorang ibu meninggal dunia dan meninggalkan pula anak dua ataupun tiga orang.

Masalah siapa yang dapat tanah ini semuanya dalam makluman lembaga bersama-sama buapak.

Peraturan ini sampai sekarang pun dibuat lagi dan buapak serta lembaga yang memainkan peranan. Kemudian bicara di hadapan Pegawai Daerah. Jadi 'DO' tidak boleh memberi keputusan kalau tidak ada lembaga. Selagi lembaga tidak ada dalam perbicaraan, Pegawai Daerah tidak boleh memberi keputusan kecuali dengan ada satu surat.

Berbalik tentang hal-ehwal, pergaduhan besar ataupun kecurian, kalau tidak dapat diputuskan oleh lembaga, ianya akan diserahkan kepada Undang sebab 'tali pengikat dan pedang pemancong' ada pada Undang. Jadi Undang memberi kata putus, contohnya seorang yang bersalah, kalau buapak tidak dapat memberi kata putus, ianya akan dibawa kepada lembaga. Kalau lembaga juga tidak dapat memutuskan ianya akan dibawa kepada Undang. Setelah tentukan haribulan, panggil saksi dan tunjukkan bukti-bukti semua serta barang-barang kejadian semua. Prosesnya serupa dengan perbicaraan yang sebenar. Kemudian itu, Undang boleh memberikan keputusan sebab dia ada pedang pemancung dan pedang pemutus.

Keputusan Undang itu tidak dapat dipertikaikan lagi sama ada salah ataupun tidak salah. Jadi keputusan tertinggi pada daerah Rembau ialah pada Undang. Undang inilah yang menentukan sama ada begitu ataupun begini. Tetapi sekarang kekuasaan Undang menentukan perkara ini tidak ada lagi sebab semuanya telah diserahkan kepada mahkamah. Dahulu sebelum tahun 1895 iaitu dalam perjanjian penyerahan kuasa pada British, semuanya

dijalankan oleh Undang, lembaga dan buapak.

Dato' lembaga ini harus menjaga kedudukannya dan tidak boleh melakukan sesuatu yang menyalahi adat. Pantang larangnya dari segi kedudukan dan wataknya, umpamanya, sebagai seorang yang telah dituakan, ertinya kalau ia berlari-lari di tengah jalan tidak berapa elok nampaknya. Kalau dia pergi berjumpa dengan anak buahnya, dia tidak berbicara dari bawah ke atas rumahnya itu. Kalau hendak bercakap dengannya, naik betul-betul dengan anak buahnya itu. Kemudian tidaklah disaut-saut di tengah jalan. Dia juga tidak boleh menunjukkan marahnya dan masa bercakap, menepuk-nepuk meja. Ertinya sifat pemimpin adalah seperti 'harimau gajah dalam perut, di muka kambing juga'. Kemudian tidak boleh menyerkam orang. Itu semua pantang larang pada pemimpin-pemimpin. Ertinya dengar sahaja sama ada betul atau tidak betul, kemudian baru beri pertimbangan.

Pantang larang lain bagi pemimpin ialah kalau bercakap mengamat-amatkan kerisnya. Ini tidak boleh dilakukan. Sebagai seorang pemimpin adalah diberi sedikit penghormatan kepadanya seperti kalau ada anak buahnya yang menjemput dia makan di rumah, maka perlulah ditentukan tempatnya. Tidaklah boleh diberi makan di tempat-tempat sebarangan. Kalau tidak dibuat begitu dikira seperti melanggar pantang larang.